

Bahagian A

Sistem Bahasa dan Pemahaman Teks

Soalan 1 - 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- "Izinkan _____ mengubati penyakit Tuan Puteri Kembang Cina, tuanku," sembah Merah Sulung kepada sultan.
A hamba 我 (姬→她) saya
B patik 我 (姬→她) D beta 王上的我
- Pihak sekolah akan memberikan bantuan _____ murid-murid yang kurang (能力) berkemampuan bersempena dengan (庆典) sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.
A bagi
B pada
C untuk
D kepada

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Jurulatih itu menggunakan _____ untuk mencatat kepantasan larian anak buahnya semasa ujian kecergasan.
A jam randik 计时表 C jam tangan
B jam loceng 闹钟 D jam dinding

- 说法
生意 Kenyataan yang dikeluarkan oleh ahli perniagaan itu _____ dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh (pihak media) 媒体
A bercanggah 不一致
B bertelagah 争吵
C berubah 改变
D bersaing 竞争

Soalan 5 - 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- face
Wajah Cik Som kelihatan cerah apabila namanya diumumkan sebagai pemenang lucky draw 主办方 (cabutan bertuah) anjuran pusat beli-belah 著名的 terkemuka itu. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- 成为
"Sebagai rakyat Malaysia, kita harus fasih bertutur di dalam bahasa Melayu," kata sasterawan negara itu. Tiada kesalahan.
A
B
C
D

lapang - 空闲 masa lapang
padang lapang 宽阔
心情宽松 hatinya lapang

Soalan 7 - 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Ayah aktif dalam *lapang* sukan semasa zaman mudanya.
II Setiap petang, abang dan kawan-kawannya bermain bola di *lapang* rumah.
III Ruang utama dewan yang baru dibina itu *lapang*.
IV *Lapang* hati ibu apabila mendapat tahu bahawa kakak tidak terlibat dalam kemalangan itu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

8. I Kebanyakan siswazah berazam untuk memperoleh *kedudukan* yang lebih baik dalam alam pekerjaan.
II Pihak polis telah mengesan *kedudukan* perompak yang diburu itu.
III *Kedudukan* almari di ruang tamu telah diubah oleh ibu.
IV Tuk Rahim mengalami sakit lutut akibat jatuh *kedudukan* semasa hendak melintas jalan.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 - 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Beberapa orang tetamu kehormat telah dijemput ke majlis perkahwinan anak Tan Sri Ahmad.
A Beberapa orang tetamu-tetamu
B Berapa orang tetamu-tetamu

- C Berapa orang tetamu
D Beberapa orang tetamu

10. Semua mangsa banjir itu ditempatkan ke (pusat pemindahan) sementara supaya keadaan pulih seperti sediakala.

- A ke pusat pemindahan sementara sehingga
B di pusat pemindahan sementara supaya
C di pusat pemindahan sementara sehingga
D ke pusat pemindahan sementara supaya.

Soalan 11 - 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Dahinya yang luka itu kena jahit semalam.
II Beg yang berat itu tidak terangkat oleh Afif.
III Badannya letih lesu selepas bekerja di ladang sepanjang hari.
IV Pintu yang rosak itu telah dibaiki oleh kami dua hari yang lalu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

12. I Kakak menghadihi adik sebiji buku cerita (bersempena) dengan (hari lahirnya).
II Setiap hujung minggu, ayah akan membawa kami sekeluarga (beriadah) di taman.
III Banyak orang sedang beratur di kaunter itu untuk membeli tiket (wayang).
IV Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah (berusaha) untuk (mengekalkan) kemerdekaan negara.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga

13. Peribahasa yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan peribahasa di atas ialah

- A seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terpalit.
B bangkai gajah bolehkah ditutup dengan nyiru?
C lembu punya susu, sapi dapat nama.
D alah membeli, menang memakai.

Soalan 14 – 17 berdasarkan petikan cerpen di bawah ini.

"Azizah, cikgu nak hadiah yang lebih besar, boleh?"

Wajah Cikgu Zaleha yang begitu tulus dan penuh kesungguhan itu ditenung Azizah lama-lama. Ingin meneka apa-apa yang tersirat di sebalik perkataan "besar" itu.

"Saya tak mampu, cikgu. Saya belajar buat hadiah ini pun kerana saya tak mampu membeli dengan wang, cikgu. Gaji bapa kecil sahaja. Emak tak ada gaji tetap." Lurus luahan rasa Azizah. Cikgu Zaleha memaut bahu kanan Azizah.

"Profesor Azizah, cikgu yakin kamu boleh beri hadiah yang besar maknanya kerana kamu memang layak, rajin dan kuat berusaha. Hanya orang yang bersikap seperti Profesor Azizahlah yang akan memberikan kepuasan kepada cikgu. Tolong, ya?" Dengan bersungguh-sungguh Cikgu Zaleha meletakkan Borang Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah di tangan kanan Azizah. Ceraian B khusus untuk Azizah, iaitu menghasilkan dua puluh karya anyaman dengan menggunakan bahan semula jadi. Cikgu Zaleha yakin sungguh kepada Azizah yang diiktiraf sebagai murid yang serba boleh, cuma sifat rendah diri dalam diri Azizah itu terlalu tebal.

"Cikgu berbangga kalau Azizah menang tapi kalau Azizah tarik diri ... bermakna Azizah kalah. Yang paling penting, kita sertai peraduan ini kerana peraduan ini menguji daya usaha dan kreativiti kita."

(Dipetik daripada cerpen 'Hadiah', antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

"Azizah, cikgu nak hadiah yang lebih besar, boleh?"

14. Apakah yang dimaksudkan oleh Cikgu Zaleha dengan kata-kata di atas?
- A Azizah perlu menghadihkan dua puluh karya anyaman.
B Azizah perlu memberikan hadiah yang dibeli dari luar negara.
C Azizah perlu menghadihkan barangan yang lebih besar dan mahal.
D Azizah perlu mengambil bahagian dan menang dalam Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah.

15. Berdasarkan petikan cerpen, Azizah digambarkan sebagai seorang yang

- A suka melawan.
B rajin dan kuat berusaha.
C bijak membuat keputusan.
D suka berbangga dengan kebolehan diri.

16. Yang berikut ialah nilai yang dimiliki oleh Azizah dalam petikan, **kecuali**

- A bertanggungjawab.
B kerajinan.
C kejujuran.
D keadilan.

17. Apakah latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut?

- A Masyarakat murid yang terdiri daripada golongan kaya
- B Masyarakat murid yang suka mengingkari arahan guru

C Masyarakat murid yang menghargai jasa guru

D Masyarakat murid yang bangga diri

Soalan 18 – 20 berdasarkan puisi di bawah ini.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

Emas, perak tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

18. Antara yang berikut, baris yang manakah menggunakan gaya bahasa kata ganda?

- A Hitam-hitam pucuk kawa
- B Malas bergerak tidak merasa
- C Berapa jauh wujud dengan sifat
- D Buah sintang buah senikul

- C Kerjasama
- D Tanggungjawab

19. Apakah nilai murni yang terdapat dalam rangkap kelima pantun?

- A Kecekanan
- B Kesyukuran

20. Semua yang berikut ialah ciri orang yang berjaya, **kecuali**

- A rajin berusaha.
- B tidak mudah berputus asa.
- C sentiasa tolong-menolong.
- D tidak memerlukan pertolongan orang lain.